



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KADA GUNA RUMAH PAM AIR KEMUBU 4 BANTU PESAWAH, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
2.	CAP, NELAYAN GESA TINDAKAN SEGERA ATASI PENCEMARAN SUNGAI JURU, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	LAIN – LAIN
3.	HARGA DAGING LEMBU TURUN, IKAN KEMBUNG NAIK, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 5	
4.	LEMBU KORBAN NAIK HARGA, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	
5.	SUNGAI JURU MAKIN TENAT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 21	
6.	SUNGAI KEREH TERCEMAR BUKAN SEBAB BABI SAHAJA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 21	
7.	TUNTUTAN HARGA LANTAI RM3,000, PESAWAH BUKAN BERJIHAD UNTUK MISKIN, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 14 & 15	
8.	MELON TERENGGANU MENJADI KETIKA PANAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

KADA guna rumah pam air Kemubu 4 bantu pesawah

Kota Bharu: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menangani masalah air yang dihadapi pesawah dengan beberapa pendekatan, termasuk menggunakan rumah pam Kemubu 4 bagi membolehkan mereka menanam padi pada musim pertama tahun ini bulan depan.

Pengerusinya, Khalid Abdul Samad, berkata masalah air di hampir semua lokasi sawah padi di bawah KADA sudah ditangani.

Katanya, pelbagai pendekatan diambil termasuk menggunakan pam mudah alih bagi kawasan yang mempunyai sumber air.

"Saya pasti lebih 50 peratus daripada 7,000 pesawah akan mula tanam padi pada musim pertama ini.

"Ramai yang bersemangat untuk memulakan penanaman pada musim pertama selepas sistem pam air Kemubu 4 berfungsi," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, beliau akan berjumpa dengan pesawah di Bachok dan kawasan yang dinyatakan mempunyai masalah air dalam masa terdekat.

Terdahulu, lebih 50 peratus daripada 7,000 pesawah di Kelantan dijangka tidak dapat menanam padi pada musim pertama tahun ini bulan depan, berikutan masalah bekalan air kritikal susulan kemarau berpanjangan.

Mereka menyifatkan rumah pam Kemubu 4 yang mula beroperasi Februari lalu belum mampu untuk menangani keperluan bekalan air kepada pesawah menyebabkan isu dihadapi berlarutan.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuha Ismail, berkata rata-rata pesawah mengakui tidak berani untuk mengambil risiko memulakan penanaman sehingga berdepan kerugian selagi masalah air membelenggu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

CAP, nelayan gesa tindakan segera atasi pencemaran Sungai Juru

Seberang Perai: Kira-kira 100 penternak kerang dan nelayan di daerah ini terjejas hampir 50 peratus hasil pendapatan berikutan masalah pencemaran di Sungai Juru di Seberang Perai Tengah (SPT), yang disyaki berpunca daripada pembuangan sisa kilang dan sisa kolam ternakan udang di kawasan itu.

Justeru, Persatuan Pulau Pinang (CAP) menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perikanan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggesa tindakan segera tangani masalah pencemaran yang semakin membimbangkan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata keadaan itu meresahkan hampir 100 penternak kerang dan nelayan di Kampung Kuala Juru yang terjejas.

“Kejadian itu disyaki berpunca daripada pembuangan sisa kilang dan sisa kolam ternakan udang berhampiran menjejaskan lebih 50 peratus hasil pendapatan mereka akibat kematian kerang yang diternak dan ikan di dalam sungai berkenaan.

“Tinjauan CAP mendapati air



Wahid menunjukkan pintu saliran buangan sisa kilang yang dipercayai menjadi punca pencemaran Sungai Juru, di Seberang Perai Tengah.

(Foto ihsan CAP)

Sungai Juru sentiasa keruh dipercayai tercemar akibat sisa buangan dari pintu saliran sisa kilang dan saluran paip buangan sisa kolam ternakan udang berhampiran,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Justeru, CAP meminta supaya kerajaan membantu penternak kerang dan nelayan yang berdepan masalah pencemaran itu.

Katanya, penutupan segera saliran tercemar dengan sisa buangan di sepanjang Sungai Juru perlu dilakukan bagi menyelamatkan sungai itu daripada terus tercemar.

Sementara itu, Ketua Unit Nelayan Kuala Juru, Wahid Othman, 50, berkata, masalah itu semakin serius sejak setahun lalu apabila pintu sisa buangan kilang di Sungai Derhaka yang menghubungkan Sungai Juru dibuka semula selepas ditutup sekian lama.

Katanya, ia dipercayai menjadi punca pencemaran itu dan pembuangan sisa kimia ke dalam Sungai Juru yang didakwa kerap berlaku pada waktu pagi menyebabkan air sungai berkecauan menjadi kehitaman serta berbau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Harga daging lembu turun, ikan kembung naik

SHAHALAM - Harga daging lembu menurun 1.4 peratus daripada RM36.40 kepada RM35.88 sekilogram, manakala ayam standard hampir tidak berubah iaitu sekitar RM9.50 hingga RM9.51 sekilogram.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir bagaimanapun berkata, beberapa item mencatatkan kenaikan iaitu ikan kembung meningkat sebanyak 3.9 peratus (RM16.76 sekilogram), udang putih 1.2 peratus (RM32.11 sekilogram), sawi (RM7.23 sekilogram) bersamaan peningkatan empat peratus) manakala santan segar 6.7 peratus (RM16.88 sekilogram).

Berkaitan kos sara hidup, beliau memaklumkan harga bahan makanan masih berada dalam julat terkawal, tetapi beberapa tanda peningkatan sudah mula kelihatan.

"Bagi tempoh 4 hingga 6 Mei, harga bahan makanan terpilih bergerak dalam julat antara penurunan 2.0 peratus hingga kenaikan 6.7 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Walaupun statistik menunjukkan pergerakan harga makanan dilihat terkawal, tetapi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan ahli majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) melahirkan kerisauan bahawa terdapat golongan rakyat di setengah kawasan terutamanya luar bandar mula merasai tekanan harga barangan harian.

"Justeru, MTEN bersetuju supaya Ketua Setiausaha Negara dapat mengusulkan perkara ini bersama semua Ketua Setiausaha Kementerian bagi menyelaras inisiatif, usaha serta bantuan kerajaan agar sampai kepada kumpulan sasaran terutamanya golongan miskin dan rentan," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi siaran langsung taklimat krisis bekalan global di Facebook Kementerian Ekonomi pada Selasa.

Sementara itu, Akmal Nasrullah memaklumkan bahawa purata penumpang rel pada April meningkat kepada 1,085,580 penumpang sehari, iaitu kenaikan 7.6 peratus berbanding Mac lepas.

Tambah beliau, purata penumpang bas pula meningkat kepada 227,448 orang sehari, meningkat 10.3 peratus berbanding bulan sebelumnya.

"Perkembangan ini menunjukkan sebahagian masyarakat mula menyesuaikan corak mobiliti dan perbelanjaan harian kepada pilihan yang lebih kos efektif," ujarnya.

13/5/2026

KOSMO

NEGARA

13

Lembu korban naik harga

- **Permintaan untuk haiwan korban menurun 70 peratus**
- **Penternak dakwa harga jualan di Thailand melonjak**


Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM dan OLEH ROHANA MOHD. NAWI

TAPAH – Lonjakan harga lembu membuatkan permintaan haiwan berkenaan untuk dijadikan sembelihan korban bagi Hari Raya Aidiladha menurun antara 20 hingga 70 peratus ekoran orang ramai mengambil langkah penjimatan ketika ini.

Pemilik Latiff Farm Resources Sungai Lesong, Abdul Latif Abd. Rashid, 43, berkata, kenaikan harga bahan api terutamanya diesel ekoran konflik di Asia Barat menyebabkan ramai tidak mengambil bahagian dalam ibadah korban pada tahun ini selain faktor cuti umum yang terhad.

Katanya, dia hanya menerima tempahan 12 ekor lembu setakat ini berbanding 20 pada kebiasaannya.

"Dua ekor lembu sado saya pun tidak terjual mungkin sebab orang berhati-hati berbelanja kerana khuatir kenaikan harga



ABDUL LATIF memberi lembu ternakannya makan ketika ditemui di Latiff Farm Resources Sungai Lesong, Tapah semalam.

barang keperluan akan datang.

"Seekor lembu dijual antara RM4,500 hingga RM6,000 manakala lembu sado antara RM14,000 hingga RM16,000 seekor," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Lesong, Tapah semalam.

Menurut Abdul Latif, dia difahamkan ramai tidak pulang ke

kampung ketika hari raya pada 27 Mei ini memandangkan cuti tidak lama yang menyebabkan mereka tidak mengambil bahagian dalam korban.

Selain itu katanya, orang ramai juga mungkin membuat persiapan dan menyimpan duit untuk perbelanjaan kemasukan anak ke universiti atau kolej tidak

lama lagi

Sementara itu di Kota Bharu, rata-rata penternak di Kampung Kubang Edang, Peringat di sini terpaksa membeli lembu korban pada harga mencecah sehingga RM3,500 seekor berbanding sebelum ini hanya RM2,900.

Mohd. Adam Mohd. Alamin, 29, berkata, dia menerima se-

banyak 100 ekor lembu untuk korban pada tahun lalu dan jumlah tersebut menurun kepada 30 ekor pada tahun ini, penurunan sebanyak 70 peratus.

"Sebelum ini, harga seekor lembu kampung RM2,900 dan ia meningkat kepada RM3,500 hingga RM3,700. Saya beli lembu dari Thailand untuk diternak sebelum dijadikan haiwan korban.

"Kemasukan lembu secara sado dari Thailand amat sukar ketika ini apabila perlu melalui pelbagai prosedur selain tambang pengangkutan yang meningkat menjadikan harga seekor lembu naik," katanya.

Mohd. Adam memberitahu keadaan itu menyebabkan dia mengambil keputusan membeli lembu kampung dari beberapa daerah untuk mencukupkan kuota permintaan penduduk yang hendak menyertai ibadah korban.

Azhar Abdullah, 55, berkata lembu yang dijual di Kampung Kemumin di sini tahun ini hanya 35 ekor berbanding 100 ekor sebelum ini.

"Stok kurang kerana lembu di Thailand naik harga selain proses membawa masuk haiwan itu bertambah rumit. Permit yang dipohon mengambil masa sehingga dua bulan untuk lulus," katanya.

13/5/2026

SINAR
HARIAN

NASIONAL

21

Sungai Juru makin tenat

Nelayan, penternak kerang rugi akibat pencemaran

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGE TOWN - Kira-kira 100 penternak kerang dan nelayan di Kampung Kuala Juru, Seberang Perai Tengah (SPT), berdepan kebimbangan apabila pencemaran Sungai Juru yang didakwa semakin serius sejak setahun lalu menjejaskan sumber pendapatan mereka.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, pencemaran yang diyakini berpunca daripada pembuangan sisa kilang dan sisa kolam ternakan udang di kawasan berkenaan menyebabkan lebih 50 peratus pendapatan penternak dan nelayan terjejas susulan kematian kerang serta ikan di sungai tersebut.

"Tinjauan CAP mendapati air Sungai Juru sentiasa keruh dan dipercayai tercemar akibat pelepasan sisa daripada pintu saliran kilang serta saluran paip buangan kolam

ternakan udang berhampiran sungai berkenaan.

"Keadaan itu menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat yang bergantung kepada sumber sungai untuk mencari rezeki," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sementara itu, Ketua Nelayan Kuala Juru, Wahid Othman berkata, masalah tersebut menjadi semakin serius selepas pintu saliran sisa buangan kilang di Sungai Derhaka yang bersambung dengan Sungai Juru dibuka semula selepas sekian lama ditutup.

"Pembuangan sisa kimia ke dalam Sungai Juru kerap berlaku pada waktu pagi sehingga menyebabkan air sungai menjadi hitam dan berbau.

"Selain banyak kerang mati, nelayan juga pernah menemui bangkai ikan terapung di permukaan air," katanya.

Beliau berharap pihak ber-

kuasa menjalankan siasatan segera dan mengambil tindakan terhadap pihak yang menjadi punca pencemaran berkenaan.

"Saya bimbang jika keadaan ini berterusan, mata pencarian penternak kerang dan nelayan akan terus merosot sekali gus menjejaskan kehidupan keluarga mereka," katanya.



Sungai Juru semakin tercemar menyebabkan pendapatan kira-kira 100 nelayan dan penternak kerang terjejas. Gambar kecil: Mohideen

Dalam pada itu, CAP menggesa Kerajaan Pulau Pinang, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perikanan serta pihak berkuasa tempatan (PBT) bertindak segera bagi mengatasi pencemaran Sungai Juru.

Menurut Mohideen, penutupan segera saliran yang tercemar dengan sisa buangan di sepanjang sungai tersebut perlu dilakukan bagi mengelakkan keadaan menjadi lebih buruk.

"Pencemaran itu bukan sahaja mengancam alam sekitar dan sumber pendapatan nelayan, malah turut menjejaskan belaklan makanan kepada rakyat.

"Kerajaan juga diminta membantu penternak kerang dan nelayan yang terjejas dengan menyalurkan bantuan bagi membolehkan mereka meneruskan aktiviti yang telah lama diceburi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	21

Sungai Kereh tercemar bukan sebab babi sahaja

GEORGE TOWN - Isu pencemaran Sungai Kereh di Kampung Selamat dan kawasan sekitar Seberang Perai Utara bukan hanya berpunca daripada aktiviti penternakan babi, sebaliknya melibatkan pelbagai faktor lain termasuk sistem perparitan, aktiviti pertanian serta pelepasan sisa daripada pelbagai sumber.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa negeri, H'ng Mooi Lye berkata, kerajaan negeri mengakui pendekatan lebih menyeluruh diperlukan bagi menangani masalah berlarutan itu yang telah lama menjejaskan kualiti hidup penduduk setempat.

Menurutnya, isu pencemaran yang dibangkitkan di kawasan berkenaan memerlukan kerjasama pelbagai agensi bagi mengenal pasti punca sebenar serta melaksanakan tindakan pembedahan secara bersepadu.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak berkuasa tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) kini digerakkan bersama bagi memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan.

"Isu ini tidak hanya tertumpu kepada satu sumber sahaja. Ia melibatkan pelbagai faktor yang memerlukan pendekatan lebih holistik dan bersepadu," katanya pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang ke-15 di sini pada Selasa.

Mooi Lye (DAP-Jawi) berkata demi-

kian ketika menjawab soalan lisan **Mohd Sobri Salleh (Pas-Permatang Berangan)** mengenai isu pencemaran di Sungai Kereh, Kampung Selamat serta jumlah aduan pencemaran dalam tempoh dua tahun dan tindakan yang telah diambil.

Katanya, isu itu beberapa kali dibangkitkan wakil rakyat termasuk di kawasan Sungai Dua, Permatang Berangan dan Teluk Air Tawar.

"Saya memahami kebimbangan dibangkitkan dan kerajaan negeri komited melaksanakan penambahbaikan seperti dibincangkan bersama wakil rakyat kawasan terlibat," katanya.

Mooi Lye menambah, kerajaan negeri memandang serius aduan berkaitan pengurusan sisa yang tidak teratur sehingga menyebabkan pencemaran serta ketidakselesaian kepada penduduk.

Dalam masa sama, beliau berkata, kerajaan negeri tidak menafikan wujudnya kelemahan tertentu dari aspek penguatkuasaan, khususnya melibatkan kekangan tenaga kerja dan logistik di peringkat agensi pelaksana.

Jelasnya, DVS terus menjalankan pemeriksaan, siasatan aduan serta pemantauan ladang ternakan walaupun berdepan pelbagai cabaran operasi.

"Penguatkuasaan tetap dijalankan



MOOI LYE

secara berterusan melalui pemeriksaan berkala, pemeriksaan mengejut serta tindakan pembedahan terhadap mana-mana pihak yang tidak mematuhi peraturan," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan satu pertemuan telah diadakan pada 23 April lalu melibatkan Majlis Bandaraya Seberang Perai

(MBSP), JAS dan DVS bagi membincangkan penyelesaian jangka panjang terhadap isu Sungai Kereh.

"Antara cadangan yang dibincangkan ialah pemindahan sisa ternakan ke Stesen Pemindahan Ampang Jajar untuk diproses menggunakan teknologi pencernaan anaerobik yang menukarkan sisa organik kepada biogas.

"Kaedah itu bukan sahaja dapat mengurangkan pencemaran sungai, malah menyokong agenda tenaga boleh baharu negeri.

"Mesyuarat susulan turut diadakan pada 11 Mei bagi mempercepatkan proses kelulusan projek berkenaan termasuk keperluan mengemas kini laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)," ujarnya lagi.

Beliau berkata, kerajaan negeri turut menggalakkan pengusaha ladang ternakan beralih kepada teknologi moden bagi memastikan pematuhan alam sekitar yang lebih ketat serta mengurangkan risiko pencemaran pada masa hadapan,

**SIDANG DUN
PULAU PINANG**

Tuntutan harga lantai RM3,000, pesawah bukan berjihad untuk miskin

MUKADIMAH

PADI merupakan tanaman nombor satu negara, namun hakikat yang terpaksa ditelan golongan pesawah yang bertungkus-lumus menghasilkan beras adalah pendapatan mereka tidak pernah terjamin. Malah antara golongan yang dikaitkan dengan kemiskinan.

Tekanan kos yang semakin menghimpit, ketidaktentuan cuaca serta pelaksanaan dasar yang dilihat belum menyeluruh terus membelenggu nasib pesawah. Dalam keadaan kadar sara diri (SSR) beras masih di bawah paras selamat, kebimbangan terhadap

jaminan bekalan makanan negara semakin ketara.

Situasi itu mendorong pertubuhan bukan kerajaan (NGO), PeSAWAH memperhebat desakan kepada kerajaan agar tampil dengan penyelesaian lebih konkrit, termasuk menaikkan harga lantai padi kepada RM3,000 per tan metrik. Wartawan *Utusan Malaysia*, **MUHAMAD AIMY AHMAD** menemubual pengerusinya, **ABDUL RASHID YOB** bagi mendapatkan gambaran sebenar isu yang dihadapi golongan pesawah ketika ini.



UTUSAN: Apa realiti dihadapi petani hari ini?

ABDUL RASHID: Beban yang kami tanggung sudah tidak mampu dihadapi, khususnya apabila kos meningkat lebih 50 peratus melibatkan penggunaan mesin padi dan traktor. Ini memberi kesan besar kepada keseluruhan operasi penanaman.

Hari ini kita bercakap tentang realiti sebenar di lapangan. Lebih 80 peratus jentera pesawah bergantung

kepada diesel. Bila kos diesel meningkat, semua kos lain turut naik. Kita bukan minta lebih-lebih, tapi kita minta kerajaan lihat beban sebenar yang kita tanggung.

Untuk hasilkan satu kilogram (kg) padi, kosnya sekitar RM1.50 yang bermaksud satu tan metrik RM1,500. Jumlah itu sama harga semasa padi, jadi di mana petani nak untung walaupun ia belum masuk subsidi RM500 per tan metrik diberikan kerajaan melalui Skim Subsidi Harga padi (SSHP). Maksudnya, kita buat

bandang ini berjihad untuk miskin sahaja kerana tiada apa di hujungnya.

Kami tanam padi tetapi orang letak harga kepada kami. Kami tidak jadi tuan beras, tidak jadi tuan padi sedangkan dalam tanaman ini kita ada pelbagai agensi, kita ada Akta 522 yang sepatutnya pesawah terbelas dan jadi petani moden serta maju tapi malangnya kita ketinggalan daripada Thailand, Filipina dan Indonesia sebab ekosistem kita tidak betul.

Berapa kenaikan ditanggung sekarang?

Saya ambil dua perkara sahaja iaitu kos pembajakan dan penuaian. Pembajakan daripada RM120 semasa penyasaran diesel pada 2024 naik kepada RM180 hingga RM200 serelung atau 0.29 hektar untuk satu pusingan, ia sekitar 66 peratus kenaikan.

Kos penuaian pula daripada RM180 per relung ada yang

naik sehingga RM240 ke RM250 dan untuk keluasan satu hektar bersamaan RM870 di mana kenaikan sehingga 38 peratus.

Kenaikan kedua-dua kos itu sahaja menyebabkan kami hadapi peningkatan kos keseluruhan sebanyak 52.78 peratus. Kita tidak kira lagi kos lain yang difahamkan kos baja akan naik, kos racun, semua akan naik tapi petani masih di tahap ini. Kalau harga padi masih RM1,500 dan beras nak kekal RM2.60 sekilogram adilah untuk pesawah. Adakah kita nak petani terus begini.

Kerajaan salur bantuan, adakah tidak mencukupi?

Kita bersyukur dan berterima kasih atas bantuan-bantuan yang disampaikan antaranya Insentif Pembajakan kepada Pesawah (IPKP) yang kini berjumlah RM300 sehektar, Insentif Penuaian Padi (IPP)

RM50 sehektar dan bantuan-bantuan lain serta terbaharu pendahuluan pembajakan RM200.

Tetapi ia bukan penyelesaian menyeluruh, cuma jangka pendek. Hakikatnya bantuan sekitar RM300 untuk pembajakan tidak mampu menampung kos sebenar yang kami hadapi, lebih-lebih lagi selepas penyasaran diesel dilaksanakan pada 2024.

Kini dengan tambahan krisis tenaga global, menyebabkan harga diesel meningkat. Walaupun harga semasa turun sedikit kepada RM5.12 seliter, pesawah tidak menikmati subsidi sepenuhnya, jadi kos operasi terus melonjak.

Pesawah ini bukan sekadar bekerja untuk diri sendiri, tetapi untuk jaminan makanan negara. Disamping bergelar petani kami juga pengguna, kami juga rakyat Malaysia yang makan nasi



tetapi kami tidak ada gaji, elau dan sebagainya.

Dahulu kita mohon harga lantai naik kepada RM1,800 per tan metrik yang bukannya boleh terus dijadikan pesawah kaya pun, tetapi yang dapat cuma RM1,500. Kita sebenarnya bersyukur, ada yang kata macam-macam, sebenarnya kita tertekan daripada seluruh aspek.

Subsidi RM2.6 bilion untuk pesawah, bukankah jumlah besar?

Ini naratif yang dibawa, antaranya petani-petani sudah terima banyak bantuan. Saya berkali-kali ke Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan selalu juga dimaafkan bahawa subsidi padi terlalu banyak tetapi saya nak terangkan memang betul diumumkan RM2.62 bilion setahun atau RM4,300 per hektar tetapi bukan semua subsidi sebesar itu masuk ke poket petani.

Itu hanya nilai subsidi yang kerajaan bagi, kalau RM4,300 dapat kepada setiap petani kami tidak tuntut apa-apa dah. Jadi kita nak beritahu dalam RM4,300 itu ada subsidi baja, subsidi racun, subsidi benih dan segala macam insentif dalam itu.

Namun, 30 peratus sahaja sampai kepada petani dalam bentuk input pertanian. Jadi siapa yang dapat 70 peratus selebihnya. Sudah pasti pihak-pihak tertentu melalui perniagaan perniagaan antaranya pembekal baja, pembekal racun dan benih.

Subsidi benih sahaja RM80 juta setahun, baja RM600 juta setahun. Jumlah sebanyak itu kita kata besar tetapi masalah baja lewat, benih tidak berkualiti masih berlaku. Jadi sekarang kami nak tuntut harga padi kerana kenaikan kos lebih 50 peratus sudah tidak mampu ditanggung.

Mengapa kerajaan kena peruntuk sehingga RM2.6 bilion, jawapannya kerana kerajaan kawal harga Beras Putih Tempatan (BPT). Kalau harga tidak naik sejak 18 tahun lalu, kajilah semula dan kalau perlu naik sehingga RM40 sekampit pun tidak apa kerana bila harga padi mahal, beras kena mahal.

Kalau masih dikekalkan RM2.60 sekilogram sekarang ini pun, kedai mana yang kita dapat beli beras tempatan dengan harga itu. Tidak ada pun. Maksudnya dalam dua tahun ini kita telah menghalalkan penipuan kempit beras import yang tiada harga kawalan.

Difahamkan ada insentif yang sepatutnya sudah diterima belum disalurkan? Insentif IPP yang diumumkan ketika



PENGERUSI NGO PESAWAH, Abdul Rashid Yob (kanan) ketika ditemubual wartawan Utusan Malaysia di Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

penyelarasan harga diesel 2024, kesemua 200,000 pesawah belum dapat lagi. Sama juga insentif IPKP baru pembayaran dilakukan untuk satu musim diselesaikan. Jadi tunggakannya di mana kerana menteri kata akan bayar untuk Musim 1/2025 sedangkan penyelarasan diesel berlaku pada 2024.

Maknanya kami kena keluarkan duit sendiri. Itu naratif yang kami sedang perbetulkan kepada masyarakat tetapi kenyataan yang digambarkan seolah-olah semua masalah dah selesai, pembayaran sudah dijelaskan sedangkan ia tidak berlaku.

Kenyataan menteri pada 28 Jun 2025, IPP dan IPKP akan selesai pada 31 Julai 2025. Hakikatnya tidak selesai pun lagi. Jadi ini yang kita tuntut daripada kerajaan, PeSAWAH konsisten menuntut sejak dulu lagi melibatkan empat kerajaan. Tapi hari ini kami rasa dukacita apabila penyelesaiannya yang dituntut dianggap petani mengada-mengada. Maka saya nak tanya juga jangka waktu untuk pengumuman terkini bila akan dibayar kerana yang dahulu untuk 2024 pun belum diterima oleh petani sampai ke hari ini.

Apakah tuntutan utama pesawah ketika ini?

Jika kerajaan tidak dapat menurunkan kos secara langsung, kami menuntut supaya harga lantai padi dinaikkan kepada RM3,000 per tan metrik. Itu harga yang lebih relevan dan bermaruah dengan keadaan semasa dan boleh membantu pesawah menampung kos.

Harga RM1,500 ketika ini sudah tidak padan lagi dengan kos sara hidup dan kos input pertanian yang melambung tinggi. Jika harga ini dikekalkan pesawah akan



Kami tanam padi tetapi orang letak harga kepada kami. Kami tidak jadi tuan beras, tuan padi sedangkan dalam tanaman ini kita ada pelbagai agensi, kita ada Akta 522 yang sepatutnya pesawah terbeli."

terus berdepan kerugian. Maka kenaikan ini amat perlu bagi membolehkan pesawah memperoleh margin keuntungan munasabah demi kelangsungan hidup.

Jika harga lantai padi dinaikkan, insentif pembajakan boleh dihapuskan dan disalurkan kepada subsidi BPT sekiranya kerajaan masih mahu mengekalkan harga kawalan RM2.60 sekilogram kepada pengguna.

Kami juga mahu pelaksanaan sistem kad bahan api (kad fleet) khusus untuk pesawah, seperti yang diberikan kepada sektor lain di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Mekanisme ini dapat memastikan subsidi sampai secara langsung kepada pengguna jentera di bendang antaranya mesin padi, traktor pembajak, mesin pembajak kecil seperti jentani atau kubota serta pam air yang menggunakan diesel. Kami mohon permudahkan juga syarat bantuan subsidi diesel.

Bukankah sudah ada BUDI Agri-Komoditi dan BUDI Diesel Individu?

Syarat yang digariskan

tidak memungkinkan pesawah mendapat manfaat di bawah kedua-dua program ini walaupun kerajaan kata membawa manfaat kepada 200,000 pesawah tetapi kita nak mohon macam mana.

Syaratnya kena jadi kaya dulu dengan pendapatan RM50,000 ke atas, perlu ada sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), kenderaan pula kena 10 tahun ke bawah. Kalau pam air ada gerankah, surat beranak pun tidak ada. Jadi bagaimana petani nak memohon.

Musim 1/2026 sudah bermula, pesawah masih tangguh?

Hampir 90 peratus kawasan sawah di Kedah termasuk di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih belum memulakan penanaman. Paras empangan kritikal dan tidak mencukupi untuk pengairan yang data terkini bawah 40 peratus.

Kalau pengairan tiada masalah dan air mengalir ke bendang seperti biasa cuma kami tetap tidak boleh mula sebab faktor kos. Walaupun jadual sudah dikeluarkan dan ada syor pihak MADA untuk tabur terus kering (TTK), bukan kita tolak cadangan itu cuma kaedah itu hanya sesuai untuk 1990-an. Kita berhadapan risiko tinggi, pertamanya kos lebih tinggi berbanding kaedah biasa, gangguan perosak dan ancaman rumpai. Siapa nak tanggung petani berdepan kerugian.

Malah, hujan sejak kebelakangan ini masih tidak mampu membantu proses tanam kerana berdasarkan data Jabatan Meteorologi, kita perlu hujan yang agak tinggi, setelah kemarau yang panjang memakan masa untuk tahap lapisan tanah menyerap air. Kita masih perlukan bekalan dari sungai, tali air untuk

menyokong proses tanaman. Jadi situasi semasa tidak memungkinkan pesawah-pesawah ini mengikut jadual yang dikeluarkan.

Saya faham dalam kalangan petani ada yang sudah lima tahun buat bendang, malah lebih 20 ke 40 tahun tanam padi, mana mungkin mereka nak tinggalkan sektor ini yang telah menjadi darah daging. Tetapi bila kata nak berhenti sekejap itu maknanya memang dah tidak boleh hadapi lagi dengan situasi sekarang.

Adakah situasi ini beri kesan kepada pengeluaran padi negara?

Seandainya cuma kira-kira 30 peratus daripada 200,000 pesawah di seluruh negara kini berhenti sementara, menakar tanaman atau hanya menanam untuk kegunaan sendiri, keluasan sawah akan mengencil dan kita berdepan risiko krisis makanan.

Sekarang pun SSR beras negara tidak sampai 50 peratus. Ini bermaksud kita terlalu bergantung kepada import, sedangkan negara pengeksport juga terkesan dengan krisis global. Industri padi ini merupakan tanaman yang berada dalam kategori sekuriti makanan, malah ia adalah kedaulatan makanan.

Jadi amat penting untuk pesawah sendiri menitik beratkan faktor itu bahawa kita memang nak menjamin makanan negara tetapi pada masa kita kena jaminan juga petani-petani untuk terus melakukan aktiviti pertanian kerana sekarang ini motivasi dan momentum mereka sangat rendah.

Majoriti pesawah pun berusia 50 tahun ke atas. Golongan muda tidak berminat kerana pulangan tidak setimpal dengan risiko. Tanaman padi ini berisiko tinggi, terdedah kepada banjir, kemarau dan serangan perosak tetapi tiada jaminan pendapatan tetap.

Apa mesej utama kepada kerajaan?

Kerajaan perlu campur tangan secara holistik dan segera. Isu ini bukan lagi soal ekonomi semata-mata, tetapi soal kedaulatan makanan negara.

Kami NGO PeSAWAH tidak akan berhenti di sini. Kami sebenarnya dah cukup dengan libat urus, perbincangan dan sebagainya. Kami sudah letih kerana tahu hasilnya tidak berbaloi. Maka kami akan teruskan dengan desakan melalui himpunan dari semasa ke semasa dan ada dua himpunan lebih besar akan diadakan di Pejabat Perdana Menteri dan Bangunan Parlimen.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Melon Terengganu menjadi ketika panas

Oleh WAN ZURATIKAH
IFFAH WAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulia.com.my

BESUT: Musim panas yang melanda ketika ini memberi limpahan rezeki kepada pengusaha Melon Manis Terengganu (MMT) di sini, apabila pengeluaran hasil tanaman mereka meningkat lebih banyak berbanding musim biasa.

Seorang pengusaha, Siti Noor Maniza Mohd. Sabri, 30, yang mengusahakan tanaman MMT bersama suaminya, Mohd. Farid Mohd. Rodzi, 35, berkata, cuaca panas dan kurang hujan bukan sahaja membantu proses pembesaran buah menjadi lebih sekata, malah menghasilkan isi lebih manis dan berkualiti tinggi.

Katanya, cuaca panas turut mempengaruhi kualiti buah apabila lebih banyak buah bergred premium dihasilkan selain tempoh tuaian menjadi lebih cepat.

“Biasanya MMT mengambil masa antara 65 hingga 70 hari sebelum boleh dituai. Namun sekarang buah matang lebih cepat apabila pada hari ke 60 sudah boleh dipetik dan dijual.

“Meskipun tempoh tuaian lebih awal, tahap ketahanannya lebih lama iaitu sehingga dua minggu selepas dipetik selain rasanya lebih manis,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Alor Lintang di sini.

Jika sebelum ini berat sebiji buah sekitar 1.3 kilogram (kg) namun ketika musim panas ia mampu mencecah sehingga dua kg sebiji.

Katanya, keadaan itu menjadi



SITI Noor Maniza Mohd.Sabri menunjukkan buah Melon Manis Terengganu (MMT) gred premium terdapat di kebunnya di Kampung Alor Lintang, Besut, Terengganu. - UTUSAN / WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

tarikan kepada pelanggan kerana dengan harga sekitar RM15 seki-logram, mereka dapat menikmati buah berkualiti premium.

Siti Noor Maniza berkata, cuaca panas sejak beberapa bulan kebelakangan ini membantu meningkatkan pengeluaran hasil tanaman sehingga hampir 30 peratus.

Katanya, sebanyak 4,000 pokok MMT ditanam sejak awal tahun lalu kini mampu menghasilkan kira-kira lima tan metrik buah dan

sebahagian besarnya terdiri daripada gred premium dan gred A.

“Sebelum ini, dengan jumlah 1,500 pokok kami hanya memperoleh hasil kira-kira 700 kg semusim, namun sekarang jumlah itu meningkat sehingga satu tan metrik walaupun bilangan pokok sama.

“Cuaca panas turut membantu mengurangkan serangan penyakit terhadap pokok MMT selain proses pembajaan dapat dilakukan mengikut tempoh ditetapkan,” katanya.